



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENYIASATAN SAINTIFIK JENAYAH
KOD KURSUS : DAU 30203
PROGRAM : 3 DAU
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014 / JANUARI 2015
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN
B) JAWAB SEMUA SOALAN
C) JAWAB **SATU(1)** SOALAN
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA (5)** MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1** Objektif siasatan sesuatu kes jenayah adalah
- Mencari kebenaran kes dari perspektif pegawai penyiasat
 - Mencari kebenaran kes dari perspektif pihak suspek
 - Mencari kebenaran kes dari perspektif pihak saksi
 - Mencari kebenaran kes dari perspektif pihak mangsa
- S2** Identiti dan kesalahan pihak tertuduh dapat dikenalpasti melalui
- Testimoni pihak suspek
 - Kesan cap jari yang ditinggalkan
 - DNA mangsa kes
 - Pengakuan pihak saksi
- S3** Manakah di antara berikut tidak termasuk dalam langkah-langkah proses penyiasatan
- Mendapatkan maklumat daripada pihak mangsa
 - Mendapatkan bukti daripada pakaian suspek
 - Membuat analisis anggaran kos yang digunakan oleh pihak polis
 - Membina semula peristiwa kejadian kes
- S4** Peraturan dengar cakap ialah
- Membenarkan pakar memberikan pendapat
 - Tidak menggunakan saksi dari kalangan pakar
 - Membenarkan testimoni pihak kedua dalam pembicaraan mahkamah
 - Bukan semua di atas
- S5** Manakah diantara berikut bukan sumber bukti daripada pihak kerajaan
- Lesen memandu
 - Rekod perubatan
 - Rekod kelahiran
 - Pendaftaran kenderaan
- S6** Kenyataan berikut adalah contoh bukti surihan yang dipindahkan secara berganda
- Sehelai rambut ditemui pada pakaian mangsa
 - Percikan darah pada dinding bilik mandi
 - Lapisan cat pada dua kereta yang berlanggar
 - Kesan tapak kasut pada lantai ruang tamu
- S7** Bukti terbaik daripada tempat kejadian untuk ditunjukkan dalam mahkamah ialah
- Senjata sebenar pembunuhan .357 Magnum
 - Keterangan fizikal senjata .357 Magnum
 - Senjata jenis yang sama digunakan semasa kejadian
 - Gambar foto senjata pembunuhan
- S8** Cara terbaik membawa bukti surihan dari tempat kejadian ke makmal ialah menggunakan .
- Envelop duit
 - Envelop pos yang biasa
 - Kotak kadbod
 - Pita angkat

- S9** Idea asas dalam kejadian jenayah iaitu setiap sentuhan meninggalkan kesan dikenali sebagai
- A. Hukum keabadian tenaga
 - B. Prinsip pertukaran Locard
 - C. Sistem Henry
 - D. Sistem pengindeksan DNA
- S10** Yang manakah di antara berikut tidak didokumentasikan di tempat kejadian
- A. Nama personel ditempat kejadian
 - B. Kelajuan filem pada gambar yang diambil
 - C. Suhu sekitar tempat kejadian
 - D. Semua di atas didokumentasikan di tempat kejadian
- S11** Ahli kriminologi mengkaji tentang
- A. Tempat kejadian
 - B. Kesan cap jari
 - C. Modus operandi jenayah
 - D. Bukti surihan yang ditinggalkan
- S12** Dokumentasi bukti fizikal haruslah
- A. Mudah dibaca
 - B. Bersempadan
 - C. Terperinci
 - D. Semua di atas
- S13** Untuk menjadi saksi pakar dalam sesuatu bidang mereka haruslah mempunyai
- A. Pengiktirafan oleh mahkamah
 - B. Pendidikan
 - C. Pengalaman
 - D. Sijil OSHA
- S14** Pegawai pertama yang tiba di tempat kejadian haruslah
- A. Mengepung kawasan kejadian dengan pita keselamatan
 - B. Mulakan tugas dengan mengumpul bukti
 - C. Memberi bantuan kepada mangsa yang masih hidup
 - D. A dan C di atas
- S15** Mengambil gambar, membuat catatan dan lakaran di tempat kejadian dikenali sebagai
- A. Mewujudkan rangkaian jagaan
 - B. Individualisasi
 - C. Dokumentasi
 - D. Ujian berasaskan andaian
- S16** Kaedah siasatan dari satu arah kemudian ke satu arah yang lain dikenali sebagai
- A. Pemeriksaan lingkaran
 - B. Pemeriksaan grid
 - C. Pemeriksaan lorong
 - D. Pemeriksaan helikopter

- S17** Apabila menjalankan soal-siasat, penyawal-siasat haruslah
 A. Memastikan tiada sebarang objek antara dirinya dengan suspek
 B. Bercakap dengan kuat dan kasar dengan suspek
 C. Bertanya soalan terpimpin untuk mendapatkan pengakuan suspek
 D. Semua di atas
- S18** Tiga penemuan yang biasa daripada ujian poligraf iaitu
 A. Penipuan, kebenaran dan tidak yakin
 B. Kabur, kebenaran dan tidak yakin
 C. Menunjukkan kabur, tidak kabur dan tiada keputusan
 D. Menunjukkan kabur, tunjukkan kebenaran dan tiada keputusan.
- S19** Apakah kebaikan menggunakan kamera digital di tempat kejadian jenayah
 A. Imej yang disimpan boleh merendahkan kesan elektromagnetik
 B. Media yang disimpan boleh diedit
 C. Imej boleh disimpan lama
 D. Imej boleh dipaparkan serta merta
- S20** Apakah jenayah yang kerap kali diselesaikan melalui proses penahanan suspek
 A. Rompakan
 B. Pembunuhan
 C. Penculikan
 D. Mengedar dadah
- (20 markah)

BAHAGIAN B

- S1** (a) Namakan **empat** jenis teknik pengawasan yang digunakan oleh pihak polis.
 (4 markah)
- (b) Menggunakan **tiga** contoh situasi yang sesuai, jelaskan bagaimana pengawasan fizikal dapat dilakukan terhadap suspek.
 (6 markah)
- S2** (a) Nyatakan perbezaan di antara pemberi maklumat dengan agen?
 (2 markah)
- (b) Pemberi maklumat lazimnya memberikan dua jenis maklumat kepada pihak polis. Nyatakan dua jenis maklumat itu dan berikan contoh yang sesuai.
 (4 markah)
- (c) Bagaimanakah caranya pihak polis mengenalpasti kebolehpercayaan pemberi maklumat.
 (4 markah)

BAHAGIAN C

- S3** (a) Motif jenayah yang berlaku seringkali melibatkan pesalah dan pihak mangsa. Berikan **tiga (3)** motif jenayah dan contoh yang sesuai. (6 markah)
- (b) Nyatakan empat keadaan di mana persetujuan diberikan oleh pihak suspek atau pihak yang berkepentingan kepada pegawai penyiasat untuk mendapatkan bukti sesuatu kes jenayah. (4 markah)
- S4** (a) Semasa menyediakan laporan, ada di antara maklumat-maklumat rahsia yang tidak boleh dinyatakan bagi tujuan keselamatan dan undang-undang. Senaraikan **empat (4)** maklumat rahsia tersebut. (4 markah)
- (b) Peraturan **90 -10** digunakan semasa sesi temubual dan soalsiasat. Nyatakan perbezaan di antara kedua-duanya. (4 markah)
- (c) Namakan **dua (2)** cara temubual yang sering digunakan oleh pihak polis untuk mendapatkan maklumat. (2 markah)
- S5** (a) Soalsiasat yang dijalankan ke atas suspek atau pihak tertuduh biasanya akan berkesudahan dengan respons pengakuan. Nyatakan **lima (5)** tahap respons pengakuan tersebut. (5 markah)
- (b) Selepas sesuatu kejadian jenayah berlaku, kawasan kejadian akan dilindungi dan dikawal dengan cara memasang pita keselamatan oleh pihak polis. Nyatakan soalan-soalan yang perlu dipertimbangkan oleh pegawai penyiasat sebelum pita keselamatan itu dipasang di tempat kejadian tersebut. (5 markah)

- SOALAN TAMAT -